

27 OCT 2003

Parlimen-Bahas (KDN)

KDN DIMINTA SIASAT PARTI PEMBANGKANG YANG SOKONG KEPULANGAN CHIN PENG

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ni menggesa Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menyiasat tiga parti pembangkang iaitu DAP, Keadilan dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang nampak menyokong permohonan bekas pemimpin komunis, Chin Peng untuk kembali ke negara ini.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) ketika membahaskan Bajet 2004 bagi kementerian itu hari ini berkata isu itu dibangkitkan memandangkan ketiga-tiga parti itu kini seolah-olah sedang menjadi juara dan jurucakap kepada Chin Peng.

Katanya Presiden Parti Keadilan, Datin Seri Wan Azizah dan Timbalannya Dr Syed Husin Ali, pernah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyokong permohonan Chin Peng itu, dan begitu juga Pengerusi DAP Lim Kit Siang serta pemimpin-pemimpin PSM.

"Adakah KDN khususnya Pendaftar Pertubuhan telah menyiasat mengapakah dengan tiba-tiba sahaja DAP, Keadilan dan PSM memperjuangkan supaya Chin Peng diizinkan kembali ke Malaysia?," katanya.

"Kita semua mengenali Chin Peng. Sama ada menerusi pengalaman atau sejarah, ramai rakyat Malaysia dari semua kaum sedar dan insaf bahawa Chin Peng bertanggungjawab membunuh beratus-ratus anggota pasukan keselamatan dan rakyat di zaman darurat sehinggalah 1960.

"Sebab itu saya amat hairan mengapa DAP, Keadilan dan PSM mahu perjuangkan kepulangan Chin Peng ke negara ini. Adakah ketiga-tiga parti ini dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan sokongan?," katanya

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pula bangun mempertahankan tindakan parti itu dan meminta KDN menjelaskan mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengaitkan Chin Peng dengan pertubuhan-pertubuhan keganasan.

"Saya minta penjelasan mengenai isi kandungan (kenyataan) yang melibatkan Chin Peng dengan pertubuhan ganas di negara ini...mungkin ada bukti yang orang yang berusia 81 tahun itu masih ada hubungan dengan hal-hal keganasan, dan adakah benar beliau turut terlibat dalam Al-Qaeda, Jemaah Islamiyah atau pertubuhan lain, kalau benar, tak payah benarkannya jejak ke tanah air kita ini," katanya.

Selain Chin Peng, turut mendapat perhatian ialah isu berkaitan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutamanya mengenai kekurangan infrastruktur dan logistik bagi balai-balai dan pondok polis di seluruh negara.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) berkata kekurangan kelengkapan di balai-balai polis boleh menjejaskan perkhidmatan anggota polis dalam menjalankan tugas mereka

"Jadi saya menyeru supaya diberikan perhatian untuk meningkatkan kelengkapan di balai-balai polis ini khususnya tempat tinggal dan balai yang berpatutan untuk menjaga imej anggota polis di mata masyarakat," katanya.

Bagi memantapkan usaha untuk menarik calon-calon yang berwibawa menyertai PDRM, Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsamaju) pula mencadangkan diadakan 'cadet boys' atau 'girls wing' dengan menubuhkan maktab ala Maktab Tentera Di Raja atau RMC, khususnya bagi pengambilan pelajar-pelajar cemerlang seluruh negara di peringkat sekolah rendah untuk memasuki tingkatan satu di maktab tersebut.

Zulhasnan turut mencadangkan supaya ditubuhkan satu unit integrasi anti-keganasan yang melibatkan unit-unit tertentu dari Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) termasuk PDRM, Kastam dan Imigresen bagi memastikan keamanan negara sentiasa terpelihara, khasnya daripada aktiviti keganasan global.

-- BERNAMA

SNS SNS AZH